

Kebersihan sungai bermula dari longkang

TIADA siapa dapat menafikan sebahagian besar tamadun manusia lahirnya di lembah sungai. Tamadun Mesir dengan Sungai Nil, Mesopotamia dengan Sungai Tigris dan Euphrates serta India dengan Lembah Sungai Indusnya. Begitulah agamanya fungsi sungai dalam kehidupan zaman silam.

Bagaimanapun, andai ditanya tentang sungai, mungkin ada antara kita yang merasakan ia tidak lebih sekadar bentuk muka bumi atau lakaran menjalar dalam peta topografi sementelah air senang diakses semudah memutar pili.

Baru-baru ini, akhbar melaporkan bilangan sungai tercemar di negara ini meningkat berbanding 25 batang sungai pada 2013 kepada 43 batang sungai pada tahun lalu dengan 1.4 juta kes pencemaran menjadi punca bilangan sungai bersih merosot.

Siapa kata anda bukan pengguna sungai? Biar pun anda mendakwa tinggal beribu kilometer dari sungai, tidak menjejaki atau tidak mengangkat air sungai, anda juga bertanggungjawab terhadap apa yang terjadi pada sungai.

Keluar dari rumah cuba lihat longkang-longkang di sekitar anda kerana ia gambaran awal sungai. Mungkin anda tidak menyedari sampah sarap dan sisa buangan yang anda buang ke longkang itulah yang akan dibawa ke sungai kerana hakikatnya longkang-longkang ialah 'anak paling bongsu' sungai.

Penyelaras program penjagaan sungai, Pusat Alam Sekitar Global (GEC), Dr. Kalithasan Kailasam berkata, itu hakikat yang jarang disedari rakyat negara ini sedangkan kebersihan sungai dan longkang itu amat berkaitan.

"Sebab itu, kami di GEC sebelum ini pernah mengadakan kempen Cintai Longkang kerana cara kita memelihara longkang akan menentukan kebersihan sungai kita.

"Pernah kami melakukan kaji selidik ke atas kedai-kedai makan atau pengusaha-pengusaha makanan. Apabila ditanya adakah mereka merupakan penyumbang kepada pencemaran sungai mereka menafikan tetapi apabila kita tanya bagaimana mereka mencuci pinggan mangkuk, mereka mengatakan cuci di tepi longkang.

"Mereka tidak sedar, sisa-sisa berminyak itu masuk ke dalam longkang dan akhirnya ia akan mengalir dan mencemari sungai," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.



Kalithasan berkata, dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, pencemaran sungai disebabkan peningkatan bahan buangan daripada tiga parameter pencemaran iaitu Keperluan Oksigen Biokimikal (BOD), Pepejal Terampai (SS) dan Ammoniakal

Nitrogen (AMN) semakin membimbangkan.

Menurutnya, BOD merupakan sisa-sisa organik seperti sisa makanan, AMN pula ialah sisa kumbahan dan najis haiwan ternakan manakala SS terdiri daripada tanah yang masuk ke dalam sungai.

"Walaupun sebenarnya peratusan bilangan sungai tercemar di negara ini ada turun naik namun, kita mendapati dalam tempoh 10 tahun ini, bahan buangan daripada tiga parameter ini terus menerus meningkat dan ia dirasakan semakin meruncing," katanya.

Jika ia belum cukup menginsafkan kita untuk bersama-sama menjaga sungai, kata-kata Kalithasan ini mungkin boleh menyedarkan anda untuk menelan hakikat bersama air minuman yang bakal ditelan.

"Sungai membentuk 97 peratus daripada sumber air bersih di negara ini. Banyak air yang dihubungkan ke rumah-rumah kita pada masa ini adalah dari sungai atau suatu kawasan pengambilan sumber air yang terletak di sungai," katanya. Menurutnya, jika belasan atau puluhan tahun dahulu, sumber air mungkin bersumberkan air empangan. Majoriti empangan kini hanya berfungsi melepaskan air apabila paras air sungai rendah.

"Tahukah anda hakikat ini? Kalau sungai semakin tercemar, maka sumber air semakin berkurangan dan kos rawatannya semakin tinggi. Apabila bilangan sungai tercemar di negara ini semakin banyak, tidakkah ia akan menjejaskan sumber air yang akan kita minum nanti?" soalnya.

Banyak melawat ke negara-negara lain dan sangat mengagumi rakyat Denmark, Australia dan Korea Selatan dalam memelihara sungai, Kalithasan menyifatkan ia lebih kepada masalah budaya atau kesedaran sivik masyarakat.

Penulis tertarik dengan cerita Kalithasan tentang apa yang menyebabkan masyarakat Denmark begitu mencintai dan memelihara sungai. "Ia adalah kerana ikan," katanya.

Kalaulah masyarakat Malaysia mampu memiliki sifat seperti itu yang amat menghargai nyawa hidupan lain, saya kira sesiapa pun tidak tergamak mengotori sungai.

■ Apabila bilangan sungai tercemar di negara ini semakin banyak, tidakkah ia akan menjejaskan sumber air yang akan kita minum nanti?